

15/05/2002

Bahagian MCA berjanji patuh arahan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kebanyakan bahagian MCA berjanji akan mematuhi arahan membatalkan semua pencalonan yang dibuat Jumaat lalu yang mencabar penyandang jawatan dalam pemilihan parti peringkat bahagian.

Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan, Datuk Tan Chai Ho, berkata buat masa ini, hanya dua daripada 11 bahagian sedang mengadakan rundingan untuk mencapai persetujuan bagi mengisi kekosongan sedia ada.

"Dua bahagian itu ialah Seputeh dan Bukit Bintang yang sedang mengadakan perbincangan untuk mengisi kekosongan disebabkan kematian dan pertambahan perwakilan," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau berkata, semua mesyuarat agung Wanita dan Pemuda MCA di negeri itu akan diteruskan hari ini manakala badan induk juga akan mengadakan mesyuaratnya esok.

Semalam, Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata kekosongan sesuatu jawatan akan dibiarkan sehingga persetujuan dicapai melalui rundingan.

Keputusan itu dibuat selaras dengan agenda kedamaian dan kestabilan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dipersetujui Jawatankuasa Pusat (CC) MCA 23 April lalu untuk mengekalkan kepimpinan sedia ada sehingga 2005.

Di KUALA TERENGGANU, masalah pencalonan lapan bahagian MCA di Terengganu tidak berbangkit kerana semua pengerusi bahagian kekal, termasuk Pemangku Pengerusi MCA bahagian Kemaman, Wong Shew Yong.

Di KOTA BHARU, Timbalan Pengerusi MCA Kelantan, Leong Su Siang, berkata semua 14 bahagian MCA di negeri itu akan selesai mengadakan mesyuarat agung, esok.

Bagaimanapun, katanya, jawatankuasa MCA negeri sudah menerima keputusan daripada bahagian yang menyatakan persetujuan mengekalkan barisan kepimpinan sedia ada.

Di PULAU PINANG, Pengerusi bahagian MCA Bukit Mertajam, Dr Tan Chong Keng, mendakwa beliau tidak berkuasa untuk memanggil satu lagi rundingan dengan beberapa ahli Kumpulan A di bahagiannya, yang diketuai Ahli Dewan Undangan Negeri Berapit, Lau Chiek Tuan.

"Saya sudah memanggil dua rundingan berasingan iaitu 7 dan 8 Mei lalu tetapi Lau dan pasukannya gagal menghadirinya. Tidak kira apa, saya masih menanti mereka untuk bertemu saya sebelum pemilihan dan berbincang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti negeri, Datuk Koay Kar Huah berkata jawatankuasa berkenaan terpaksa campur tangan dalam pemilihan bahagian memandangkan mereka (bahagian) 'tidak dapat perdamaian walaupun selepas mengadakan beberapa rundingan.'

Di ALOR STAR, Pengerusi MCA, Datuk Beh Heng Seong, berkata pihaknya sebulat suara menerima arahan CC bagi membatalkan semua pencalonan, berkuat kuasa semalam.

(END)